

# SEMUA MAHU DR M

BH 21 APR 1986

# TERUS PIMPIN UMNO

TAIPING. Ahad — Ahli-ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, termasuk Perhubungan Umno Negeri-negeri mahu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terus memegang pucuk pimpinan Umno dan Barisan Nasional (BN), kata Naib Presiden Umno Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi.

Katanya, ini membuktikan ahli-ahli Umno menyokong penuh serta sanggup menghadapi sebarang masalah bersama Perdana Menteri, terutama dalam menghadapi pilihanraya akan datang.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Bukit Gantang di sini, Datuk Abdullah yakin BN akan mencapai kejayaan cemerlang dalam pilihanraya sekurang-kurangnya, memperolehi 2/3 majoriti dalam Parlimen.

Beliau berkata, BN tidak gentar untuk menghadapi pilihanraya walaupun dengan kemunculan parti-parti baru menentanginya.

"Ini membuktikan ke-

rajaan benar-benar menjalankan amalan demokrasi berparlimen, secara adil dan saksama, dengan memberi peluang kepada rakyat memilih parti politik yang mereka sokong.

"Saya percaya sekiranya DAP dan Pas memerintah, sudah pasti parti-parti yang baru muncul itu diharamkan," katanya.

Selain itu, kerajaan juga tidak menghalang rakyat pelbagai kaum mengamalkan kebudayaan mereka.

Beliau juga yakin BN akan kekal memerintah negara ini, selagi ia mendapat mandat serta sokongan rakyat kerana kecemerlangan rekodnya mentadbir negara ini sudah menjadi kenya-taan.

Dalam hubungan ini, katanya, rakyat tidak perlu mempertikaikan kewibawaan pucuk pimpinan parti, sebab pemimpin-pemimpin dahulu, bermula dari bekas Perdana Menteri, Tengku Abdul Rahman Putra Alhaj hingga Datuk Seri Dr Mahathir sentiasa menjaga kepentingan rakyat.

Menurutnya, pemimpin-pemimpin berkenaan berjiwa besar dan sentiasa menjalankan amanah

dan mandat rakyat.

Datuk Abdullah berkata, pilihanraya akan datang adalah sebagai satu ujian kepada Umno dan komponen BN untuk mengetahui sejauh mana rakyat dapat menilai kemampuannya mentadbir negara ini.

Beliau juga meminta ahli-ahli Umno memilih calon-calon yang berke-layakan serta benar-benar mahu berkhidmat

kepada masyarakat.

"Kita tidak mahu, ketika menentukan calon, ada antara mereka menimbulkan masalah seperti merajuk dan sebagainya.

"Umno tidak akan memberi tempat kepada mereka yang merajuk kerana semua perkara diputuskan mengikut peraturan-peraturan dan perlembagaan parti," tegasnya.